

14 OCT 1996

PERDANA MENTERI SEDIH DENGAN KEMATIAN TAN CHEE KHOON

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berasa sedih dengan kematian bekas Ketua Pembangkang Tan Sri Dr Tan Chee Khoon.

Katanya, kerajaan menghargai peranan Dr Tan, yang dikenali sebagai "Mr Opposition", yang telah mencungkil segala yang dibuat oleh kerajaan untuk mendedahkan kelemahan, penyelewengan atau kesalahan.

"Jika sesebuah kerajaan tidak ditegur, saya yakin dia akan membuat salah dan itulah peranan Dr Tan Chee Koon.

"Apabila bersara, negara menganugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) kepada beliau yang membawa gelaran Tan Sri sebagai mengiktiraf peranan yang dimainkannya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Rekabentuk Malaysia '96 dan pelancaran "Malaysia Good Design Mark" di sini hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pengiktirafan itu tidaklah bermakna bahawa semua anggota pembangkang mempunyai kualiti yang sama dengan Dr Tan.

"Dr Tan memainkan peranannya dengan baik dan kita menghargainya. Kita turut bersedih bersama keluarganya kerana kehilangan anggota keluarga yang disayangi," kata Dr Mahathir.

Dr Tan meninggal dunia di kediamannya di Jalan U-Thant di sini semalam.

Ketika diminta komennya mengenai Ketua Pembangkang sekarang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mahu menasihati Ketua Pembangkang sekarang pada majlis ini, pada majlis lain bolehlah. -- BERNAMA

AFY FAZ